

MAHATHIR - SISTEM

PULAU PINANG, 27 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI
DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN MALAM INI BAHAWA KEPUTUSAN KERAJAAN
MENGADAKAN SISTEM +TURNKEY+ BAGI PROJEK PEMBINAAN ADALAH WAJAR
DAN BERFAEDAH.

BELIAU BERKATA SISTEM ITU BUKAN SAHAJA MEMPERCEPATKAN LAGI PROJEK
PEMBINAAN BAHKAN JUGA BOLEH MEMBERIKAN PENGALAMAN DAN IDEA BARU
KEPADA PARA PEMBORONG DI NEGARA INI SEPERTI RAKAN MEREKA DI JEPUN
DAN KOREA.

BERUCAP DI JAMUAN MAKAN MALAM DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN
MELAYU MALAYSIA DI SINI DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN PARA
PEMBORONG BUMIPUTRA SUPAYA JANGANLAH MENGANGGAP KERAJAAN MENGENEPIKAN
MEREKA YANG BAHARU SAHAJA MELIBATKAN DIRI DALAM BIDANG PEMBINAAN.

SEBALIKNYA MEREKA HENDAKLAH MENGANGGAP SISTEM ITU SEBAGAI SATU
CARA BAGI MENAMBAHKAN LAGI PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN MEREKA DI SEKTOR
PEMBINAAN YANG BESAR.

BELIAU MENGULAS SUNGUTAN PARA PEMBORONG BUMIPUTRA BAHAWA SISTEM TERSEBUT TIDAK SESUAI BAGI MEREKA YANG BARU MENCEBUR DIRI DALAM BIDANG INI. -- LAGI 0815/II

ZCZC 8503
MAHATHIR - SISTEM 2 PULAU PINANG.

PERDANA MENTERI MENAMBAH SISTEM ITU MEMBOLEHKAN PARA PEMBORONG MEMPUNYAI SEGALA KEPERLUAN YANG DIKEHENDAKI DARI SEGI TEKNIKAL, DAN TENAGA PEKERJA TANPA MENGGUNAKAN BANTUAN DARI PIHAK LAIN SEPERTI YANG BIADA DILAKUKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA PARA PENIAGA DAN PEMBORONG BUMIPUTRA BERGABUNG UNTUK MENJALANKAN SESUATU PERUSAHAAN.

INI MEMBOLEHKAN MEREKA MEMBESARKAN DAN MENINGKATKAN LAGI PENGLIBATAN DALAM BIDANG TERSEBUT TANPA PERSAINGAN SESAMA SENDIRI.

BERNIAGA SECARA BERGABUNG DENGAN SYARIKAT LAIN LEBIH MENGUNTUNGGAN BUKAN SAHAJA DARI SEGI KEMAHIRAN, MODAL BAHKAN JUGA RISIKO YANG KURANG, TEGAS BELIAU.

+JANGANLAH TAMAK UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGGAN CEPAT DENGAN MENJALANKAN PERNIAGAAN SENDIRI DAN BERSAING SESAMA SENDIRI DALAM SATU JENIS PERUSAHAAN HINGGA MENEMUI KEGAGALAN DAN KERUGIAN,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MEMBERIKAN CONTOH BEBERAPA SYARIKAT TERBESAR DI NEGARA ASING BERJAYA DALAM SATU BIDANG PERUSAHAAN SECARA BERGABUNG DENGAN SYARIKAT LAIN TANPA BERSAING SESAMA SENDIRI.

-- BERNAMA 0820/II